



**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SERTA-MERTA**

**CCC-ECRL dan MRL tawar bantuan banjir melalui kerja-kerja pembersihan bandar
dan pengangkutan barangan keperluan**

(Kuala Lumpur, 11 Januari 2021) – Berikutan banjir berterusan yang melanda negeri-negeri di Pantai Timur, China Communications Construction (ECRL) Sdn Bhd (CCC-ECRL), selaku kontraktor kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC) bagi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), mengambil langkah proaktif menyediakan bantuan kepada komuniti yang terlibat.

CCC-ECRL dan Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), selaku pemilik projek dan aset ECRL telah berhubung dengan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Pahang yang terletak di Maran, Temerloh dan Kuantan bagi menawarkan bantuan kepada mangsa banjir.

Sejak 5 Januari, pejabat-pejabat CCC-ECRL di Maran telah menyediakan pengangkutan dan bekalan makanan kepada pusat bantuan banjir, dan menyediakan tenaga kerja dan mesin seperti jentera pengorek bagi membantu usaha pembersihan bandar Maran. CCC-ECRL juga telah membantu Jabatan Kerja Raya (JKR) mengepung jalan-jalan rosak di Maran bagi memastikan trafik yang selamat di kawasan-kawasan yang dilanda banjir. Di Temerloh pula, CCC-ECRL telah menyediakan lori untuk mengangkut bekalan dan peralatan kepada pusat bantuan banjir dan kawasan-kawasan sekitar.

“Pejabat dan kakitangan kami turut menerima kesan daripada banjir yang melanda, dan kami amat memahami kesukaran yang dihadapi oleh komuniti yang menerima nasib yang sama. Berpegang kepada matlamat kami dalam mencipta nilai dan menyumbang kepada masyarakat, kami akan meneruskan usaha meringankan beban mangsa-mangsa banjir, dengan menjalin kerjasama rapat dengan pihak berkuasa tempatan bagi usaha-usaha bantuan banjir. Kami turut bersimpati dengan mereka yang telah kehilangan orang tersayang dan harta benda dalam bencana banjir ini.” Kata Pengarah Urusan CCC-ECRL Bai Yinzhan.

“Kami amat mengambil berat nasib beribu-ribu penduduk di negeri-negeri Pantai Timur yang menerima kesan akibat hujan lebat dan banjir ini. Kami akan melakukan yang terbaik untuk menyalurkan pelbagai bentuk bantuan, sama ada mesin, tenaga kerja, bekalan makanan,



peralatan kebersihan diri, dan sumbangan wang tunai untuk usaha-usaha bantuan dan pemulihan. Kami berharap agar keluarga-keluarga yang terlibat akan terus bertabah dalam menghadapi situasi mencabar ini, dan dapat membina semula kehidupan mereka,” kata Ketua Pegawai Eksekutif MRL Dato’ Sri Darwis Abdul Razak.

Kedua-dua syarikat ini akan terus memantau situasi banjir dan menyediakan bantuan sewajarnya.

TAMAT

Kapsyen Gambar



Kapsyen: CCC-ECRL menyediakan peralatan dan tenaga kerja untuk membantu JKR mengepung jalan rosak di Jalan Belimbing, Maran



Kapsyen: Jentera pengorek yang disediakan oleh CCC-ECRL membantu usaha pembersihan bandar Maran



Kapsyen: Lori CCC-ECRL yang membawa bekalan ke Masjid Semantan, Temerloh



Kapsyen: Lori CCC-ECRL yang disediakan untuk mengangkut barangan keperluan dan pembersihan di Temerloh



Kapsyen: Barangan keperluan seperti makanan, air, selimut, bantal, barangan kebersihan diri, produk kebersihan, pensanitasi dan pelitup muka, susu bayi dan barangan-barangan lain dimasukkan ke dalam lori di pejabat CCC-ECRL Temerloh

Mengenai CCC-ECRL

China Communications Construction (ECRL) Sdn Bhd (CCC-ECRL) merupakan salah sebuah anak syarikat konglomerat pembinaan gergasi China Communications Construction Company Ltd (CCCC). CCC- ECRL merupakan kontraktor kejuruteraan, pembinaan, perolehan dan pentauliahan bagi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Malaysia.

Projek ECRL merupakan salah satu projek utama di bawah Inisiatif Jalur dan Jalan di antara China dan Malaysia. Laluan ECRL sepanjang 640 kilometer dijangka siap pada hujung 2026 bermula dari Kelantan ke Pelabuhan Klang, Selangor. Jajaran ini bakal menghubungkan Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://www.ccecr.com> dan <https://www.facebook.com/cccecr/>

Mengenai MRL

Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan), adalah pemilik projek dan aset ECRL. Dijadualkan siap pada Disember 2026, ECRL akan menjimatkan masa perjalanan dan menghubungkan Kota Bharu dengan WP Putrajaya dalam tempoh 4 jam.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: <http://www.mrl.com.my/>

Dikeluarkan bagi pihak CCC-ECRL dan MRL oleh Strategic Public Relations Sdn Bhd.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Tessa Khoo
+6017 681 9905
tessa.khoo@sprg.com.my

Theresa Lam
+6018 201 3830
theresa.lam@sprg.com.my

Rosmah Mahmud
03-6411 5800 ext. 5830
rosmah@mrl.com.my

Yong Min Wei
03-6411 5800 ext. 5835
mwyong@mrl.com.my